PEGUAM NEGARA

lwn.

SITI RUBIAH MUSTAFA BAMADHAJ & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
EUSOFF CHIN H
[RAYUAN SIVIL NO. 18-263-89]
27 JULAI 1990

PROFESYEN GUAMAN: *Petisyen diterima masuk ke Badan Peguam - Akta Profesion Undang-undang 1976 - Seksyen-seksyen 3, 4, 10, 16, 17(3), 36(2) - Sama ada pempetisyen "orang berkelayakan" - Maksud "anugerah" - Bantahan tidak mengikut peraturan.*

PENTAFSIRAN: *Pentafsiran statut - Kaedah literal.*

Dalam kes ini responden pertama hingga responden keempat telah membuat petisyen untuk diterima masuk ke Badan Peguam tetapi petisyen mereka telah ditentang oleh Peguam Negara. Wakil Peguam Negara mengatakan bahawa keempat-empat pempetisyen bukan "orang berkelayakan" bagi maksud seksyen 3 Akta Profesion Guaman 1976 (Akta berkenaan). Setelah mendengar hujah dari semua pihak, Mahkamah telah menerima masuk keempat-empat pempetisyen sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaysia.

Diputuskan:

[1] Diantara empat pempetisyen ini, tiga darinya telahpun dianugerahkan Diploma Lanjutan Undang-undang oleh ITM pada 14 Oktober 1989, manakala seorang lagi telah dianugerahkan Ijazah Undang-undang dari Monash University pada 2 Mei 1990; oleh itu tidak ada apa-apa halangan bagi Mahkamah menerima mereka masuk sebagai peguambela dan peguamcara di bawah s. 10 Akta berkenaan.

[2] Semasa permohonan "short call" dibuat, pempetisyen belum mempunyai Ijazah atau Diploma Lanjutan berkenaan kerana belum dianugerahkan oleh institusi mereka; yang mereka miliki hanya perakuan atau sijil kelulusan peperiksaan akhir; namun begitu pada masa itu Peguam Negara telah mengiktiraf perakuan tersebut dengan memberi persetujuannya kepada permohonan "short call" tersebut.

[3] Dari apa yang berlaku itu, jelaslah bahawa bagi pihak Peguam Negara, istilah "dianugerahkan" itu tidak dimaksudkan bahawa pempetisyen mesti telah diberi dan menerima diploma atau ijazah mereka, tetapi memadailah jika mereka telah diperakui lulus segala peperiksaan akhir mereka.

[4] Dalam tempoh empat tahun semenjak Warta Kerajaan mengenai Akta berkenaan disiar dan dikuatkuasakan, beratus-ratus pempetisyen telah mendapat perintah "short call" di bawah s. 36(2) Akta berkenaan dan telah diterima masuk dan didaftarkan sebagai peguambela dan peguamcara di bawah seksyen 10 Akta berkenaan.

[5] Bantahan dari pihak Peguam Negara tidak dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan oleh undang-undang, iaitu s. 16(2) dan (3) Akta berkenaan, yang menghendaki sesuatu notis bantahan itu difailkan di Pejabat Pendaftar dan bukan hanya setakat membuat bantahan secara lisan di Mahkamah.

[Bantahan ditolak]

Perundangan yang dirujuk:
Akta Profesion Undang-undang 1976, ss. 10, 17(3), 36(2)
Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, s. 6

Bagi pihak pempetisyen No. R8-18-263-89 - Muhamad b. Buruk; T/n. Ngeow & Maurice Gomez
Bagi pihak pempetisyen No. R8-18-267-89 - Muhamad b. Buruk; T/n. Yusuf Jagjit & Co.
Bagi pihak pempetisyen No. R8-18-265-89 - Yaakob b. Karim; T/n. Nordin Torji (P.J.)
Bagi pihak pemperisyen No. R8-18-272-89 - Sumasundram; T/n. Rashid & Lee
Bagi pihak majlis peguam - Hendon
Bagi pihak Jawatankuasa Peguam Selangor & Wilayah - Shamsul Bahrin
Bagi pihak peguam negara - Khoo Guan Huat

PENGHAKIMAN

Eusoff Chin H:

Pada 15 Jun 1990, semua petisyen ini telah ditetapkan bagi pempetisyen diterima masuk ke Badan Peguam (call to the Bar). Pada hari itu wakil Peguam Negara, Encik Khoo Guan Huat menyatakan bahawa dia diarah untuk menentang keempat-empat petisyen ini. Selepas mendengar hujah-hujah daripada semua pihak saya menolak penentangan oleh Peguam Negara, dan menerima masuk keempat-empat pempetisyen sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi, Malaya.

Pempetisyen-pempetisyen dalam Petisyen-petisyen Bil. 18-263-89, 19-265-89, 18-267-89, 18-267-89, dan 18-272-89 telah dibenarkan atas permohonan Pengajar mereka (their Masters) di bawah s. 36(2) Akta Profesion Undang-undang (Akta), untuk mewakili Pengajar mereka bagi mengengali kes-kes sebagai yang disebutkan dalam seksyen itu. Saya telah meluluskan permohonan-permohonan di bawah s. 36(2) itu (yang dinamakan Short Call) kerana Peguam Negara, Majlis Peguam Malaysia dan Jawatankuasa Peguam Wilayah Persekutuan dan Selangor tidak ada apa-apa bantahan walaupun pempetisyen-pempetisyen hanya telah diberi surat akuan (sijil) mengatakan bahawa mereka telah lulus semua peperiksaan akhir undang-undang yang membawa kepada Ijazah/Diploma dan oleh itu mereka adalah seorang berkelayakan (qualified person).

Tetapi pada 15 Jun 1990 pihak Peguam Negara telah membuat bantahan kerana wakilnya mengatakan bahawa pempetisyen-pempetisyen bukanlah seorang berkelayakan melainkan pempetisyen-pempetisyen dianugerahkan dengan Advanced Diploma/Ijazah. Ini ialah kerana pemberitahu Warta Kerajaan Malaysia bertarikh 21 Ogos 1986, ada mengatakan seperti berikut:

> P.U.(B) 382.
>
> Akta Profesion undang-undang 1976
>
> Pemberitahuan di bawah s. 3
>
> Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh perenggan (c) bagi tafsiran "orang berkelayakan" di dalam seksyen 3, Akta Profesion Undang-Undang 1976, Lembaga Kelayakan dengan ini mengisytharkan bahawa berkuatkuasa mulai pada 12 Julai 1986 mana-mana orang yang telah dianugerahkan dengan Diploma Undang-Undang Lanjutan oleh Institute Teknologi MARA, Malaysia adalah orang yang layak bagi maksud Akta tersebut.
>
> Bertarikh pada 12 Ogos 1986.
> [JK/LK 909(A)Jld.4:PN.(PU)2)314/III]
> Tan Sri Abu Talib bin Othman,
> Pengerusi,
> Lembaga Kelayakan

Bagi Universiti Monash, Australia pula, pemberitahu yang sama adalah bertarikh 30 Julai 1985.

Seksyen 3 Akta itu ada menyatakan seperti berikut:

> 3. Tafsiran.
>
> Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:
>
> "orang berkelayakan" ertinya:
>
> (a) seseorang yang telah lulus peperiksaan akhir yang membawa kepada ijazah Sarjana Muda Undang-Undang Universiti Malaya, Universiti Malaya di Singapura, Universiti Singapura atau Universiti Kebangsaan Singapura;
>
> (b) seseorang barrister-at-law England; atau
>
> (c) seseorang yang mempunyai apa-apa kelayakan lain sebagaimana yang diisytiharkan oleh Lembaga melalui pemberitahu dalam Warta sebagai cukup untuk memberi kelayakan kepada seseorang bagi maksud-maksud Akta ini;

Seksyen 10 Akta itu menyatakan:

> 10. Penerimaan masuk sebagai peguambela dan peguamcara.
>
> Mahkamah Tinggi boleh, menurut budibicaranya dan tertakluk kepada Akta ini menerima masuk sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi:
>
> (a) mana-mana orang berkelayakan; dan
>
> (b) mana-mana kerani berartikel yang telah mematuhi seksyen 25:
>
> Dengan syarat bahawa tiada seseorang yang menjadi orang berkelayakan oleh sebab dia telah lulus peperiksaan akhir bagi ijazah atau kelayakan lain yang menjadikan dia seorang berkelayakan di bawah perenggan (a), (b) atau (c) takrif bagi "orang berkelayakan" dalam seksyen 3 hendaklah diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara sebelum ijazah atau kelayakan lain telah dianugerahkan kepadanya.

Saya dapati adalah jelas bahawa di bawah s. 10, Mahkamah Tinggi mempunyai budibicara samada hendak menerima masuk atau tidak seseorang berkelayakan itu sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi. Sekatan ke atas budibicara itu adalah terkandung dalam proviso s. 10 itu, iaitu orang berkenaan hendaklah sebelum diterima masuk, mempunyai Ijazah/ diploma yang dianugerahkan kepadanya.

Di dalam empat petisyen ini saya dapati 3 pempetisyen telahpun dianugerahkan Diploma Lanjutan Undang-undang oleh Institut Teknologi MARA (ITM) bertarikh 14 Oktober 1989, dan seorang lagi dianugerahkan Ijazah Undang-undang oleh Monash University pada 2 Mei 1990. Nampaknya tidak ada apa-apa halangan di bawah seksyen 10 Akta itu bagi saya menerima masuk pempetisyen-pempetisyen itu sebagai peguambela dan peguamcara kerana mereka telahpun menjalani latihan yang cukup di kamar pengajar masing-masing.

Berkaitan dengan tafsiran perkataan "anugerah" dalam pemberitahuan Warta Kerajaan itu pula, makna biasa/harafiahnya (literal) adalah nyata, iaitu "diberi kepada ... dan diterima oleh ...". Memandangkan bahawa Peguam Negara sendiri yang menandatangani pemberitahuan-pemberitahuan Warta berkenaan, tidaklah boleh disangkalkan bahawa sudahpun ada di dalam pengetahuan Peguam Negara bahawa pemberitahu itu menggunakan perkataan "dianugerahkan". Walaupun demikian pihak Peguam Negara telah memberi surat persetujuan kepada Mahkamah semasa permohonan 'Short Call', seperti berikut:

Penolong Kanan Pendaftar, Fail Kami: PN(S) 22/55
(Appellate and Special Powers Division), Tarikh: 7 Oktober 1989
Mahkamah Tinggi,
50506 Kuala Lumpur

Tuan,
Petition for Admission and Enrolment as an Advocate & Solicitor No. 18-263-89
High Court Originating Summons No:
Re: SITI RUBIAH BINTI MUSTAFA

Saya merujuk kepada perkara tersebut di atas yang akan didengar pada 9 Oktober 1989.

2. Kami tidak ada sebarang halangan kepada permohonan tersebut. Oleh yang demikian, kami tidak akan hadir di dalam Mahkamah pada tarikh tersebut.

'CINTAILAH BAHASA KITA'
'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
Saya yang menurut perintah,
t.t.
(K.N. SEGARA)
Timb. Ketua Bahagian Guaman
b.p. Peguam Negara,
Malaya
s.k. 1. Setiausaha Bar Council,
No. 5, Jalan Tun Perak,
50050 Kuala Lumpur

2. Cik Siti Rubiah binti Mustafa,
d/a Tetuan Ngeow, Maurice Gomes,
Lot B26, 2nd Floor,
Plaza Pekeliling,
Jalan Tun Razak,
50400 KUALA LUMPUR.

Seperti yang disebutkan tadi, oleh kerana semua dokumen-dokumen adalah teratur, dan Peguam Negara, Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam berkenaan telah memberi persetujuan, pempetisyen-pempetisyen telah diberi kebenaran oleh Mahkamah mewakili pengajar masing-masing di bawah s. 36(2) Akta itu.

Semasa permohonan Short Call dibuat, pempetisyen-pempetisyen tidak mempunyai Ijazah atau Diploma Lanjutan berkenaan kerana belum dianugerahkan kepada mereka. Pihak ITM dan Monash Universiti hanya memberi perakuan/sijil yang mengatakan bahawa pempetisyen-pempetisyen telah lulus peperiksaan akhir yang membawa kepada Diploma Lanjutan Undang-undang/Ijazah Sarjana Muda Undang-undang. Walaupun demikian, nampaknya Peguam Negara telah mengiktirafkan perakuan-perakuan sedemikian itu dengan memberi persetujuannya dan pempetisyen-pempetisyen telah dianggap sebagai telah di'anugerahkan' dengan diploma/ijazah berkenaan. Dari apa yang telah berlaku itu, jelaslah bahawa, bagi pihak Peguam Negara, perkataan 'dianugerahkan' Diploma Undang-undang Lanjutan atau Ijazah Sarjana Muda Undang-undang tidak dimaksudkan bahawa pempetisyen-pempetisyen mestilah telah diberi dan menerima diploma atau ijazah berkenaan, tetapi adalah memadai jika pempetisyen-pempetisyen telah diperakukan telah lulus segala peperiksaan akhir seperti juga pempetisyen-pempetisyen dari Universiti Malaya dan Universiti-universiti Singapura.

Saya juga mendapati pemberitahu Warta bagi Diploma Lanjutan Undang-undang ITM telah diwartakan dan berkuatkuasa mulai 12 Julai 1986, dan Ijazah Undang-undang Universiti Monash mulai 30 Julai 1985. Empat tahun telah berlalu (lima tahun bagi Universiti Monash), dan dalam tempoh itu Peguam Negara telahpun mengiktiraf sijil/perakuan kelulusan peperiksaan akhir yang dikeluarkan oleh institusi pelajaran tinggi berkenaan seolah-olah dengan kelulusan peperiksaan itu, pempetisyen telah dianugerahkan Ijazah atau Diploma berkenaan. Dalam tempoh itu pula, beratus-ratus pempetisyen telah mendapat perintah di bawah s. 36(2) Akta, dan telah diterima masuk dan didaftarkan sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya di bawah s. 10 Akta atas kelayakan yang sama. Wajarkah bagi mereka-mereka ini, diambil tindakan di bawah s. 17(3) Akta yang memperuntukkan:

> 17(3) Jika pada bila-bila masa selepas sipetisyen diterima masuk dan didaftarkan sebagai peguambela dan peguamcara, bukti diberi dengan memuaskan Mahkamah bahawa sesuatu petisyen, affidavit, sijil atau dokumen lain yang telah difailkan oleh sipetisyen adalah mengandungi sesuatu pernyataan yang palsu atau mengelirukan pada bahagian matanya atau menyembunyikan sesuatu fakta penting maka mana sipetisyen itu boleh dikeluarkan dari Daftarai.

Selain dari apa yang saya sebutkan tadi, saya juga mendapati bahawa bantahan dari pihak Peguam Negara tidak dibuat mengikut peruntukan undang-undang iaitu:

(1) Encik Khoo Guan Huat, Peguam Persekutuan telah datang mewakili Peguam Negara pada hari penerimaan masuk pempetisyen-pempetisyen ke Badan Peguam tanpa berlebih dahulu memfailkan di Pejabat Pendaftar, dan menyerahkan satu notis bantahan. Dia hanya datang dan membuat bantahan secara lisan. Seksyen 16(2) dan (3) Akta memperuntukkan seperti berikut:

> 16(2) Jika Peguam Negara, Majlis Peguam atau mana-mana Jawatankuasa Bar Negeri bercadang hendak membantah sesuatu petisyen, maka hendaklah disampaikan kepada sipetisyen itu dan difailkan di Pejabat Pendaftar, dalam tempoh tidak kurang daripada tiga hari genap atau dalam tempoh yang lebih singkat sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah sebelum tarikh yang ditetapkan bagi mendengar petisyen itu, suatu notis bantahan yang hendaklah menyatakan secara ringkas alasan-alasan bagi bantahan itu.
>
> (3) Apabila suatu notis bantahan difailkan petisyen itu hendaklah ditetapkan untuk didengar dalam masa satu bulan atau dengan secepat mungkin di hadapan seorang Hakim Mahkamah Tinggi.

(2) Saya juga berpendapat bahawa perkataan ‘kelayakan lain’ yang terdapat dalam perenggan (c) seksyen 3 Akta, tafsiran “orang berkelayakan” (telah dipetik/quote di atas) bukanlah mengenai penganugerahan ijazah atau diploma, tetapi hanya mengenai kelayakan lulusan peperiksaan akhir yang membawa kepada ijazah/diploma, seperti yang disebutkan dalam perenggan (a) dalam tafsiran “orang berkelayakan”. Saya berpendapat sedemikian kerana:

(i) Bagi Universiti-universiti Malaya dan Singapura termasuk Universiti Kebangsaan Singapura (universiti asing), lulus peperiksaan akhir adalah memadai, tetapi bagi Universiti Islam Antarabangsa (U.I.A.) pula, pemberitahu Warta PU(B) 466/87 berkehendakkan penganugerahan “Ijazah LL.B Undang-undang”. Saya dapati kedua-dua Universiti Malaya dan Universiti Islam Antarabangsa adalah sama taraf kerana kedua-duanya universiti di negara ini, yang diujudkan oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong di bawah s. 6 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Hanya yang berbeza ialah pada masa Akta Profesion Undang-undang diluluskan oleh Parlimen, Universiti

Islam Antarabangsa belum diujudkan (diujudkan dalam tahun 1983) dan oleh itu Universiti Islam Antarabangsa dan Universiti Kebangsaan Malaysia telah tidak dimasukkan dalam perenggan (a) tafsiran "orang berkelayakan". Saya rasa tidaklah keterlaluan jika saya katakan bahawa jika universiti-universiti lain di negara ini sudahpun wujud dan Institut Teknologi Malaysia telahpun mengadakan Diploma Lanjutan Undang-undang sebelum Akta Profesion Undang-undang diluluskan oleh Parlimen dalam tahun 1976, kemungkinan besar Universiti-universiti berkenaan, juga Diploma Lanjutan Undang-undang berkenaan dimasukkan dalam perenggan (a) takrif "orang berkelayakan".

(ii) Proviso kepada s. 10 Akta juga mengenakan syarat bahawa ijazah dan kelayakan lain hanya dikehendaki "dianugerahkan" kepada pempetisyen sebelum pempetisyen diterima masuk ke Badan Peguam. Syarat seperti itu tidak terdapat pada mendapatkan perintah di bawah s. 36(2) Akta.

Atas alasan-alasan itu saya menolak bantahan yang dibuat oleh wakil Peguam Negara bagi keempat-empat petisyen berkenaan.

Also found at [1990] 2 CLJ 575